

Program

Memasak Bubur Lambuk Sempena Ramadhan

& Penyerahan Sumbangan Kepada Keluarga Mangsa Banjir Peringkat PTAR

Program Memasak Bubur Lambuk PTAR sempena Ramadhan telah dijalankan pada 9hb Julai 2015 mulai seawal jam 8.30 pagi. Program ini telah dijalankan di tapak aktiviti di belakang PTAR. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Encik Jamalludin Sulaiman dan staf-staf daripada semua Jabatan / Bahagian yang dilantik telah mengendalikan program ini dengan penuh komited. Semangat saling bekerjasama dalam pelaksanaan program ini telah membuatkan majlis berjalan dalam suasana meriah.



Turut diadakan pada tarikh tersebut adalah Program Penyerahan Sumbangan kepada Keluarga Mangsa Banjir peringkat PTAR 2015. Sumbangan ini adalah melibatkan sumbangan kewangan daripada Tabung PTAR, sumbangan Jabatan / Bahagian PTAR dan Kampus-kampus Cawangan/Negeri dan juga sumbangan barangan elektrik dan makanan daripada sekolah. Penyerahan sumbangan ini dibuat selepas agihan bubur lambuk dijalankan pada pukul 12.30 tengahari. Pihak Pengurusan PTAR juga telah menjemput sendiri beberapa orang staf untuk menerima sumbangan bagi pihak keluarga masing-masing. Sumbangan yang sama kepada staf Perpustakaan UiTM Kelantan yang terlibat juga telah dihantar ke UiTM Kelantan pada tarikh 7 Julai 2015. Puan Nik Anitta telahpun mewakili Ketua Pustakawan untuk membuat penyerahan tersebut.



SIDANG REDAKSI

Idea, Konsep dan Terbitan
Unit Penerbitan, Bahagian
Kompetensi dan Korporat,
PTAR

Penasihat
En. Noor Hidayat Adnan

Editor
En. Jamalludin Sulaiman

Pengurus Produksi
Pn. Nor Azwani Mohamad

Wartawan
En. Nik Lokman Nik Ismail
Pn. Nor Azwani Mohamad

Edaran
Pn. Munirah Mohamad Izzan

Grafik
Cik Ain Nur Munirah Abdullah
En. Zawawi Husin

Foto
Pn. Rostinah Mujir

Penyerahan Bahagian Arkib Kepada PTAR

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil.06/2015 pada 10 Jun 2015 telah meluluskan Bahagian Arkib, Pejabat Pendaftar beserta sumber perjawatan skim perkhidmatan perpustakaan (Gred S) dan yang berkaitan diletakkan di bawah tanggungjawab Perpustakaan Tun Abdul Razak berkuatkuasa 1 Jun 2015.

Kelulusan ini adalah selari dengan cadangan Struktur Organisasi Baharu Pejabat Pendaftar 2015. Sehubungan itu, Ketua Pustakawan UiTM, En. Noor Hidayat Adnan bersama-sama dengan wakil pengurusan PTAR telah mengadakan satu mesyuarat bersama dengan Pendaftar UiTM, Puan Azida Azmi bagi membincangkan penyerahan bahagian tersebut serta membuat lawatan tapak untuk melihat keadaan pejabat dan mengenalpasti keperluan dan tindakan yang bakal diambil oleh PTAR. Perjumpaan yang diadakan oleh Ketua Pustakawan bersama-sama dengan Warga Bahagian Arkib telah disambut dengan baik dan memperolehi maklumbalas yang positif. Kini Bahagian Arkib PTAR diketuai oleh Encik Ariffin Jamaludin, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR.



Encik Ariffin Jamaludin
Timbalan Ketua Pustakawan (S48)
Ketua Bahagian Arkib

Diari PTAR Julai 2015

Bengkel Latihan Sistem Perpustakaan (ILMU) - Modul IRS
02 Julai 2015

Taklimat, Tatacara Kaedah Perolehan Buku & Majalah PTAR
07 Julai 2015

Program Bubur Lambuk & Sumbangan Banjir
09 Julai 2015

Tazkirah Bulan Julai : Peribadi Mukmin Sejati
10 Julai 2015

Penyerahan Bahagian Arkib kepada PTAR
11 Julai 2015

Mesyuarat Penganjuran Library Liaison Officer Day 2015
29 Julai 2015